

30 minit pertama internet percuma terlalu singkat

Saya menyokong usaha kerajaan memberi internet percuma kepada warga miskin di bandar dan luar bandar untuk tempoh 30 minit pertama.

Walaupun hal ini sudah lama tidak dipertanyakan, tetapi bagi saya amat perlu warga miskin menikmati kemudahan internet seperti warga kota yang lain.

Pada hemat saya, pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada 19 Mac lalu, sangat bermakna kepada mereka kerana tidak perlu membayar untuk perkhidmatan internet bagi 30 minit pertama.

Tambah masa kepada dua jam

Saya ingin menyarankan agar pihak kerajaan menambah masa melayari internet secara percuma daripada 30 minit kepada dua jam pertama. Masa dua jam memadai untuk warga miskin mencari maklumat yang berkaitan dengan isu semasa.

Bagi saya, masa 30 minit pertama itu tidak mencukupi untuk mencari maklumat, begitu juga tidak memadai untuk menghayati isi kandungan sesuatu maklumat. Ini kerana masa 30 minit itu terlalu pendek dan purata setiap orang melayari internet antara dua hingga empat jam sehari. Masa ini memadai untuk menghayati isi kandungan sesuatu maklumat yang diperlukan untuk sesuatu tugas.

Kebanyakan keluarga miskin mempunyai anak yang ramai dan tidak mampu melanggan internet. Anak mereka perlu media baru untuk memohon pengajian tinggi atau mendapat pekerjaan sesuai.

Inilah logiknya kenapa perkhidmatan internet percuma perlu dilanjutkan kepada dua jam bagi kemudahan mereka.

Durriyah Roiyhan Ellias

Universiti Sains Islam Malaysia